

Tuah di Bumi Permata

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang betul.

- | | |
|---|---|
| <p>1 I Buah tembikai mempunyai kandungan nutrisi yang tinggi dan sangat baik sekali untuk kesihatan.</p> <p>II Penggunaan baja kompos menjadi alternatif untuk menggantikan baja kimia.</p> <p>III Pengembala kambing itu sangat sedih apabila kambing-kambingnya mati akibat keracunan makanan.</p> <p>IV Pada zaman pascamerdeka ini, negara kita sudah mencapai banyak kejayaan terutamanya dalam bidang ekonomi.</p> <p>A I dan II sahaja</p> <p>B III dan IV sahaja</p> <p>C I, II dan III sahaja</p> <p>D II, III dan IV sahaja</p> | <p>2 I Pak Kasim menggunakan pembajak untuk meningkat pengeluaran padinya.</p> <p>II Alif sangat gembira bila saya mengajaknya memancing bersama-sama pada hari esok.</p> <p>III Setiap hari Puan Maria akan menyiram dan membaja pokok-pokok bunganya agar sentiasa segar dan berbunga lebat.</p> <p>IV Encik Goh menembak tupai yang merosakkan buah-buahan di dusunnya dengan menggunakan selaras senapang.</p> <p>A I dan II sahaja</p> <p>B III dan IV sahaja</p> <p>C I, II dan III sahaja</p> <p>D II, III dan IV sahaja</p> |
|---|---|

Bahagian B

Tukarkan ayat susunan songsang di bawah kepada ayat susunan biasa.

- 1 Dikunjungi oleh orang ramai pasar tani itu.

- 2 Masih panas nasi yang ditanak oleh ibu.

- 3 Pada malam ini hujan renyai-renyai turun.

- 4 Dengan berkebun di belakang rumah, Arwa dapat mengisi masa lapangnya.

- 5 Mengharapkan balasan daripada pertolongan yang diberikan tidak seharusnya kita.

- 6 Ibu dan ayah amat gemar berkebun untuk mengisi masa lapang.
